

Barangan hilang cetus inspirasi seni



KISAH BARANG HILANG DAN DITEMUKAN SEMULA: Kerja seni pemasangan video yang dihasilkan Encik Fyerool Darma (*gambar sisipan*) ini menyelongkar perihal barangan yang dilaporkan hilang, ditemui dan tidak dituntut si pemilikinya. Ia akhirnya diterima atau disalurkan ke acara lelongan. – Foto INSTITUT SENI KONTEMPORARI SINGAPURA, MAKTAB SENI LASALLE

SENIMAN muda Encik Fyerool Darma sering tertanya-tanya ke mana perginya barangan yang hilang atau keciciran dan kemudian ditemui tetapi tidak dapat dikembalikan kepada si pemilikinya.

Dengan pelbagai soalan yang bermain di minda, beliau menghabiskan masa mengkaji mengenai perkara itu bahkan mendapat tahu barangan yang ditemui dan tidak dituntut si pemilik akan dilelong kepada orang awam.

Kakinya melangkah ke bermacam acara lelongan dan juga ke kedai jimat cermat di mana beliau merakam gambar dan video.

Penemuan inilah yang menjadi teras seni pemasangan video terkini yang bertajuk *You Will Never Walk Alone*.

Kerja seni itu adalah sebahagian daripada bahan pameran *Lost And Found: Imagining My New Worlds* yang kini berlangsung di Galeri 1, Institut Seni Kontemporari Singapura, Maktab Seni Lasalle.

Dengan kurator tamu dari Brazil, Encik Raphael Fonseca, dilibatkan sama dalam pameran dari 2 Februari hingga 10 April ini, banyak perihal kehilangan dan penemuan dalam konteks sejarah diselongkar.

Encik Fyerool, 32 tahun, bahkan menggunakan salah sebuah lagu malar segar dendangan Allahyarham Saleem daripada kumpulan Iklim se-

“... saya dapat tahu barangan yang tidak dituntut dari pejabat khusus (di bawah jagaan pihak polis) itu akan diserahkan kepada pengendali lelong atau didermakan. Maka, buat pertama kalinya, saya pun ke acara lelong ini. Saya belajar tentang membuat bidaan. Ada barangan yang terlalu mahal untuk dimiliki. Dengan bajet yang ada, saya hanya mampu membeli barangan yang orang lain tidak mahu miliki mengikut ketetapan bajet yang saya perolehi.”

– Seniman muda, Encik Fyerool Darma.

bagai satu simbolisme kehilangan seseorang yang menyumbang kepada industri muzik Melayu.

Ketika ditemui di Lasalle kelmarin, Encik Fyerool menjelaskan beliau berbesar hati dapat bertemu Encik Fonseca yang walaupun dari dunia dan budaya berbeza, berkongsi beberapa persamaan warisannya dengan warisan Melayu.

“Saya sebenarnya terharu apabila kerja seni saya di acara seni besar-besaran melibatkan penyertaan seniman antarabangsa, Singapore Biennale 2016, menarik perhatian Raphael.

“Beliau menghubungi saya sekitar lapan hingga sembilan bulan lalu.

Kami bersembang tentang perjalanan seni kami dan juga dari sudut zaman penjajahan.

“Kalau ada kekata ‘lazy natives’ bagi orang peribumi di Nusantara, sepertimana wujud dalam karya Profesor Syed Hussein Alatas, *Myth of the Lazy Natives*, di Brazil pun ada kisah golongan yang dipanggil malas kerana bersantai dengan buaian.

“Banyak yang kami sempat bincangkan dengan bertanyakan soalan tentang ‘Ke mana kita kini? Apa dah jadi pada kita dan mengapa kita di sini hari ini?’” kongsi Encik Fyerool.

Daripada setakat berbincang tentang artifak yang hilang dan dipertemukan semula, mereka mula ber-

sembang tentang barangan seharian yang hilang dan entah ke mana perginya.

Antara cabaran yang dihadapi Encik Fyerool adalah dalam mendapatkan barangan yang dilaporkan ditemui dan berada di dalam simpanan jabatan khusus di bawah jagaan pihak polis.

“Tidak mudah mendapatkan ‘lampu hijau’ meskipun ini projek rasmi dengan bajet tertentu diperuntukkan bagi saya melaksanakan kerja seni saya.

“Namun, hasil kajian saya, saya dapat tahu barangan yang tidak dituntut dari pejabat khusus itu akan diserahkan kepada pengendali lelong atau didermakan.

“Maka, buat pertama kalinya, saya pun ke acara lelong ini. Saya belajar tentang membuat bidaan. Ada barangan yang terlalu mahal untuk dimiliki.

“Dengan bajet yang ada, saya hanya mampu membeli barangan yang orang lain tidak mahu miliki mengikut ketetapan bajet yang saya perolehi,” ujarnya.

Encik Fonseca dalam praktiknya bagi risalah pengenalan pameran menjelaskan bahawa kerja seni boleh dihasilkan daripada barangan yang terkumpul daripada satu kehilangan dan penemuan semula.

Ini termasuk barangan daripada lelongan, dokumentasi foto, tajuk berita dan cetakan semula foto.

Lost items spark artistic inspiration

Mr Fyerool Darma, a young artist, often wondered about where items lost or left behind had gone, and how although they were eventually found, they were never reunited with their owners.

With a myriad of questions in his mind, he spent much time researching about this until he discovered that items which were found and not claimed by their owners would end up being auctioned to the public.

He would attend various auctions and also explored thrift shops where he would make video recordings and take photographs.

It was this discovery that became the foundation of his recent video installation art entitled *You Will Never Walk Alone*.

The art work is a part of the *Lost And Found: Imagining My New Worlds* exhibit now showing in Gallery 1, Institute of Contemporary Arts Singapore, LASALLE College of the Arts.

Together with a guest curator from Brazil, Mr Raphael Fonseca, who is also involved in the exhibition from 2 February to 10 April, many aspects of things lost and found will be explored from a historical context.

Mr Fyerool, 32, even used an evergreen song sung by the late Saleem from the band Iklim to symbolise the loss of an individual who has made contributions to the Malay music industry.

When he was interviewed at LASALLE the day before yesterday, Mr Fyerool explained that he was very happy to have met Mr Fonseca, and even though they are from different worlds and cultures, they share some similarities in terms of their heritage.

“I am really touched that a large-scale exhibition of my art work at the Singapore Biennale 2016, which saw the participation of international artists, had managed to attract Raphael. He contacted me about eight to nine months ago. We talked about our artistic journeys and also discussed the era of colonisation.

“If the phrase ‘lazy natives’ was used to refer to the people of Southeast Asia as mentioned in the works of Professor Syed Hussein Alatas in *Myth of the Lazy Natives*, in Brazil too there is also mention of a group described as lazy as they often relax on the swings.

“We were able to discuss a lot of things by asking questions such as ‘Where are we going, what is happening to us and why are we here today?’” shared Mr Fyerool.

From discussing how lost artefacts got recovered, they talked about items which got lost on a daily basis and contemplated where they could have gone.

Among the challenges faced by Mr Fyerool was obtaining items which had been reported lost but had been recovered and kept by a special department of the police.

It was not easy getting the 'green light' although this was an official project with a budget allocated for him to carry out his art work.

"However, as a result of my research, I discovered that unclaimed items from that special department will be handed over to auctioneers or donated. Thus, for the first time, I too attended such an auction event. I learnt how to make bids. Some items turned out too expensive to own. With the budget allocation, I could only afford items no one wanted and this was based on the budget I had," he said.

In his prologue in the exhibition pamphlet, Mr Fonseca explained that art works can be created from items collected from a loss which had been rediscovered.

This included items from auctions, photo-documentaries, news headlines and photo reprints.

Image caption:

A TALE OF THINGS LOST AND FOUND: The video installation art produced by Mr Fyerool Darma (*side photo*) investigates items that were reported lost, recovered, but never claimed by their owners. The items are eventually donated or channelled to auctions. – Photo: Institute Of Contemporary Arts Singapore, LASALLE College of the Arts.

Quote:

"... I discovered that unclaimed items from that special department will be handed over to auctioneers or donated. Thus, for the first time, I too attended such an auction event. I learnt how to make bids. Some items turned out too expensive to own. With the budget allocation, I could only afford items no one wanted and this was based on the budget I had."

– Mr Fyerool Darma, a young artist.